

HUBUNGAN BRITISH DALAM EKONOMI KEDAH.

1.0 Pendahuluan.

Pihak British telah berjaya menguasai politik tempatan melalui penglibatan penasihat British dalam bidang pentadbiran. Peranan penasihat British dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan penglibatannya dalam pengimplementasian polisi British melalui pentadbiran negeri, daerah dan mukim telah mendapat sokongan masyarakat tempatan. Masyarakat tempatan tidak menunjukkan sebarang reaksi tidak puas hati terhadap peranan pegawai daerah dan penghulu dalam mengimplementasikan polisi British di peringkat daerah dan mukim. Oleh itu penasihat British tidak menghadapi sebarang masalah dalam soal kestabilan politik di Kedah. Kestabilan politik telah memberi ruang kepada penasihat British untuk memberi tumpuan ke atas bidang ekonomi negeri Kedah.

Penasihat British telah mengambil pendekatan untuk meluaskan pengaruh British ke dalam bidang ekonomi negeri Kedah. Penasihat British sudah melihat negeri-negeri Melayu yang berada di bawah pegangan kuasa British sudah mengamalkan ekonomi kapitalis. Dengan itu penasihat British telah mengambil tindakan untuk meluaskan pengaruh ekonomi kapitalis dengan memberi perhatian kepada dua sektor iaitu sektor perladangan getah dan sektor perlombongan bijih timah. Dalam kertas kerja ini tumpuan hanya diberikan kepada hubungan British dalam mengimplementasikan sektor perladangan getah.

2.0 Perladangan getah

2.1 Hubungan British Dalam Menggalakkan Perladangan Getah Di Kedah

Apabila penasihat British Kedah mengambil tindakan untuk memajukan sektor perladangan getah maka ramai pemodal telah menunjukkan minat untuk membuat pelaburan dalam sektor perladangan getah. Para pemodal yang melibatkan diri dalam sektor perladangan getah di Kedah adalah terdiri daripada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada para pemodal Eropah yang memiliki syarikat-syarikat besar.¹ Syarikat-syarikat besar milik para pemodal Eropah itu mempunyai kapital yang besar. Para pemodal Eropah bukan baru sahaja berkecimpung dalam sektor perladangan getah. Sebenarnya mereka telah melibatkan diri dalam sektor perladangan getah apabila pihak British memperkenalkan ekonomi kapitalis di negeri-negeri Melayu Bersekutu dan juga negeri-negeri Selat. Syarikat-syarikat ini adalah berstatuskan antarabangsa dan mempunyai ibu pejabat di London.

Apabila penasihat British Kedah mengambil tindakan untuk memajukan sektor perladangan getah di Kedah maka para pemodal Eropah tidak melepaskan peluang untuk membuat pelaburan memandangkan sektor perladangan getah membawa keuntungan yang besar akibat permintaan tinggi di pasaran dunia. Kumpulan kedua pula terdiri daripada orang persendirian yang terdiri daripada pemodal berbangsa Cina yang memiliki kerakyatan British dan sudah lama menetap di Negeri-negeri Selat. Mereka

juga mempunyai pengalaman dalam sektor perladangan getah memandangkan mereka telah bergiat secara aktif dalam sektor perladangan getah khususnya di Pulau Pinang.

Penasihat British Kedah tidak menghadkan kemasukan para pemodal untuk memajukan sektor perladangan getah. Sebaliknya penasihat British Kedah mahukan pentadbiran negeri mendapat keuntungan melalui sektor perladangan getah tersebut. Penasihat British Kedah tidak meletakkan syarat khususnya kepada para pemodal Eropah tentang pemilikan modal. Para pemodal ini mempunyai syarikat perladangan getah yang beroperasi di peringkat antarabangsa. Oleh itu penasihat British Kedah tidak perlu bimbang tentang jumlah pemilikan modal oleh syarikat milik para pemodal berbangsa Eropah tersebut. Para pemodal tersebut sudah tentu mempunyai kemampuan untuk membuat pelaburan dalam sektor perladangan getah di Kedah.

Penasihat British hanya memberi perhatian kepada pemodal persendirian yang tidak bergerak dalam kapasiti syarikat besar. Apabila pemodal persendirian membuat permohonan untuk mendapatkan tanah maka penasihat British telah mengambil kriteria jumlah pemilikan modal oleh pelabur persendirian sebelum meluluskan permohonan untuk mendapatkan tanah.² Syarat ini hanya dikuatkuasakan ke atas pemodal persendirian yang mahukan keluasan ekar tanah yang besar bagi menjalankan penanaman pokok getah.³ Tindakan penasihat British mengambil kira pemilikan modal adalah sebagai satu langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pemodal persendirian mengalami kerugian kelak yang turut menjejaskan keuntungan untuk pentadbiran negeri.

Walaupun para pemodal memiliki jumlah kapital yang besar untuk membuat pelaburan dalam sektor perladangan getah namun begitu mereka bergantung kepada pentadbiran negeri dalam soal mendapatkan tanah. Penasihat British Kedah telah meletakkan pentadbiran di bawah bidang kuasa pentadbiran negeri. Pentadbiran negeri mempunyai kawalan penuh ke atas semua tanah yang terdapat dalam setiap daerah. Bagi memudahkan pengurusan tanah maka pentadbiran negeri telah menubuhkan pejabat tanah di setiap peringkat. Segala permohonan untuk mendapatkan tanah perlu dibuat di pejabat tanah di peringkat daerah tetapi kuasa untuk meluluskan permohonan tersebut masih terletak pada pentadbiran negeri yang akan dibuat pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.⁴

Pentadbiran negeri mengambil sikap telus sebelum meluluskan penjualan tanah kepada para pemodal yang ingin terlibat dalam sektor perladangan getah. Pentadbiran negeri bergantung kepada laporan yang dibuat oleh pejabat tanah sebelum meluluskan permohonan para pemodal untuk membeli tanah kerajaan. Oleh itu pejabat tanah juga mempunyai penglibatan yang besar dalam penjualan tanah kerajaan. Pejabat tanah akan memeriksa dokumen-dokumen penting terutamanya berkaitan dengan pendaftaran syarikat dan para pemegang saham untuk menentukan kesahihan dan kekuatan sesuatu syarikat perladangan getah yang terlibat sektor perladangan getah.⁵

Di samping itu pejabat tanah juga akan meneliti jenis tanah yang dipohon oleh para pemodal. Jikalau kawasan tanah itu tidak sesuai untuk aktiviti penanaman getah maka

pejabat tanah mempunyai kuasa untuk menolak permohonan tanah tersebut. Pentadbiran negeri juga memberikan sokongan padu terhadap tindakan yang diambil oleh pejabat tanah tersebut.⁶ Pejabat tanah memberi perhatian penuh ke atas tanah kerajaan yang mempunyai status surat keterangan. Dalam surat keterangan dinyatakan dengan jelas kegunaan tanah tersebut. Jadi tanah itu hanya boleh dikerjakan mengikut jenis tanaman yang dibenarkan dalam surat keterangan tersebut.

Bagi mengelakkan para pemodal mengambil kesempatan untuk memanipulasikan surat keterangan maka pejabat tanah memberi perhatian penuh ke atas status surat keterangan yang dikeluarkan oleh pentadbiran negeri. Akibatnya tanah kampung atau tanah dusun tidak jatuh pada tangan para pemodal.⁷ Oleh itu perakuan pejabat tanah sangat penting untuk pentadbiran negeri dalam meluluskan penjualan tanah kerajaan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Dalam soal penjualan tanah kerajaan kepada para pemodal maka penasihat British mengambil sikap berhati-hati terutama yang melibatkan kepentingan orang Melayu. Penasihat British tidak mahu masyarakat tempatan bangkit mempersoalkan hak orang Melayu terutamanya tentang tanah simpanan orang Melayu. Oleh itu Penasihat British tidak mahu tanah simpanan orang Melayu dijual kepada para pemodal semata-mata untuk memajukan sektor perladangan getah.⁸

Kemungkinan juga penasihat British Kedah mengambil tindakan tersebut adalah untuk memastikan sokongan yang berterusan daripada masyarakat tempatan terutamanya orang Melayu. Oleh yang demikian penasihat British Kedah hanya meluluskan permohonan untuk mendapatkan tanah simpanan Melayu jikalau permohonan tersebut dibuat oleh orang Melayu sahaja.⁹ Tindakan yang diambil oleh penasihat British telah memberi peluang kepada orang Melayu untuk terlibat dalam sektor perladangan getah. Di samping itu penasihat British Kedah tidak meletakkan syarat jumlah pemilikan modal oleh orang Melayu yang melibatkan diri dalam sektor perladangan getah.

Para pemodal diberi kebebasan oleh penasihat British Kedah untuk mengemukakan jumlah relong tanah yang diperlukan untuk penanaman pokok getah. Syarikat-syarikat milik pemodal Eropah telah meminta jumlah relong tanah yang besar daripada pentadbiran negeri. Penasihat British Kedah melalui kuasa pentadbiran negeri tidak menjual tanah kerajaan berdasarkan jumlah yang diminta oleh para pemodal.¹⁰ Pentadbiran negeri akan mengurangkan jumlah permintaan tanah tersebut untuk memberi peluang kepada para pemodal lain untuk menceburi dalam sektor perladangan getah di Kedah. Penasihat British juga telah menetapkan harga tanah kerajaan yang dijual kepada para pemodal juga bergantung kepada lokasi kawasan tanah tersebut. Secara umumnya harga tanah kerajaan ditetapkan pada paras \$25 serelong. Jikalau lokasi tanah itu terletak berdekatan dengan jalan raya atau jalan keretapi maka harga tanah ditetapkan pada paras \$35 serelong.¹¹

Di samping itu pentadbiran negeri juga telah menghadkan jumlah permintaan tanah kerajaan. Bagi syarikat perladangan getah milik para pemodal Eropah yang sudah diluluskan sejumlah relong tanah maka syarikat tersebut tidak dibenarkan membuat permohonan kali kedua untuk mendapatkan lagi tambahan tanah.¹² Syarikat-syarikat tersebut hanya dibenarkan membuat permohonan jikalau berlaku kekurangan kawasan tanah berbanding dengan jumlah kawasan tanah kerajaan yang telah diluluskan oleh pentadbiran negeri untuk syarikat tersebut. Tujuannya adalah untuk mengelakkan syarikat milik para pemodal Eropah mengalami kerugian akibat berlaku pengurangan tanah untuk penanaman getah.

Bagi permohonan kali kedua akibat berlaku masalah kekurangan kawasan tanah maka tanah kerajaan tidak dijual mengikut paras yang telah ditetapkan iaitu serelong \$25 tetapi dijual secara murah iaitu pada kadar \$10 serelong.¹³ Jikalau ada campur tangan daripada Jawatankuasa Pemberian Tanah barulah penjualan harga tanah kerajaan dikekalkan pada paras \$25. Jadi pentadbiran negeri sengaja menjual tanah kerajaan pada paras rendah untuk memberikan keuntungan kepada syarikat milik pemodal Eropah. Selain itu penasihat British juga tidak mengambil tindakan ke atas syarikat milik pemodal Eropah yang menanam pokok getah di atas tanah simpanan kerajaan. Tindakan ini bertentangan dengan undang-undang tanah pentadbiran negeri Kedah. Sebaliknya Penasihat British Kedah telah memberikan tanah simpanan kerajaan tersebut dalam bentuk pajakan selama 15 tahun. Syarikat perladangan getah tersebut juga diberi kelonggaran untuk tidak

membayar sewa tanah. Jelas di sini penasihat British telah memberi ruang yang luas kepada syarikat perladangan getah milik berbangsa Eropah untuk terlibat dalam sektor perladangan getah.¹⁴

Keterlibatan penasihat British dalam memperakukan kemudahan infrastruktur telah memberi ruang luas kepada syarikat perladangan getah untuk bergiat cergas dalam sektor perladangan getah di Kedah. Syarikat perladangan getah bergantung kepada kerajaan Pulau Pinang dalam mendapatkan maklumat terkini tentang kedudukan pasaran harga getah. Syarikat perladangan telah menghadapi kekangan dalam mendapatkan maklumat tersebut kerana negeri Kedah tidak mempunyai kemudahan telegraf dan telefon yang sistematik. Ketiadaan sistem komunikasi yang canggih menjadi halangan untuk syarikat perladangan mengaut keuntungan terutamanya dalam penjualan getah. Bagi membantu syarikat perladangan tersebut maka penasihat British Kedah telah bersetuju untuk melantik seorang jurutera kanan bagi memajukan sistem telegraf dan telefon di Kedah.¹⁵

Pembelian tanah kerajaan oleh syarikat perladangan getah kemudiannya bertukar menjadi tanah milik persendirian bagi syarikat perladangan getah tersebut. Apabila memerlukan kemudahan telefon dalam kawasan tanah persendirian bagi menghubungi syarikat perladangan getah lain maka kos penyediaan talian telefon sepatutnya ditanggung oleh syarikat perladangan tersebut. Sebaliknya penasihat British Kedah sanggup menanggung sebahagian kos perbelanjaan untuk penyediaan talian telefon di kawasan tanah

persendirian.¹⁶ Tindakan penasihat British Kedah telah mengurangkan kos kewangan syarikat perladangan getah

Syarikat perladangan getah sudah tentu mempunyai kewangan yang mencukupi dalam menyediakan kemudahan asas. Namun begitu penasihat British Kedah mahu melihat syarikat perladangan getah tersebut menggunakan kewangan tersebut untuk membuat pelaburan besar dalam sektor perladangan. Hal ini jelas menunjukkan penasihat British Kedah begitu serius untuk melihat syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah mengaut keuntungan besar dalam sektor perladangan getah. Situasi ini lebih jelas dapat dilihat semasa syarikat perladangan getah tersebut meminta pentadbiran negeri melibatkan diri dalam penyelenggaraan jalan raya yang menghubungkan kawasan perladangan dengan kawasan bandar.¹⁷ Penasihat British tanpa sebarang halangan telah menyatakan persetujuan untuk menanggung sebahagian perbelanjaan untuk penyelenggaraan jalan raya tersebut.

Kesungguhan penasihat British memastikan sektor perladangan getah milik pemodal Eropah mendapat keuntungan dapat dilihat apabila mengadakan hubungan kerjasama dengan Persatuan Penanam Getah (Persatuan Grower's Getah). Persatuan Penanam Getah telah menjalankan kempen menggalakkan orang tempatan menggunakan getah keluaran tempatan. Penggunaan getah yang banyak oleh orang tempatan akan menyebabkan syarikat perladangan getah dapat menambahkan pengeluaran getah. Pertambahan pengeluaran getah akan membawa keuntungan kepada syarikat perladangan

getah tersebut. Oleh itu penasihat British Kedah tanpa ragu-ragu telah meluluskan bantuan kewangan untuk melicinkan lagi kempen yang dijalankan oleh Persatuan Penanam Getah¹⁸

Pemegang saham memainkan peranan penting dalam syarikat perladangan getah. Pemegang saham menyumbang modal bagi membolehkan syarikat perladangan getah membuat pelaburan dalam sektor perladangan di Kedah. Pemegang saham ini juga terdiri bangsa Eropah. Pihak pengurusan syarikat perladangan getah bergantung kepada pemegang saham yang melaburkan wang mereka bagi menikmati pulangan keuntungan. Penarikan diri oleh pemegang saham akan membantutkan pelaburan dalam sektor perladangan getah. *Syarikat The Somme Rubber* telah mendapat 200 relong tanah di Mukim Padang Terap bagi menjalankan aktiti penanaman pokok getah. Bagi menjalankan aktiviti penanaman pokok getah maka pengurusan telah bergantung kepada jumlah modal yang disumbangkan oleh para pemegang saham.

Pada masa yang sama pihak pengurusan syarikat perladangan getah berada dalam keadaan dilema apabila pemegang saham dikatakan akan dipanggil untuk berkhidmat dalam pasukan ketenteraan di negara asal mereka apabila meletus Perang Dunia Pertama.¹⁹ Pihak pengurusan merasakan pelaburan dalam sektor perladangan getah tidak boleh ditarik balik jikalau para pemegang saham dipanggil untuk menyertai ketenteraan.

Syarikat The Somme Rubber tidak mahu mengalami kerugian memandangkan mereka telah menjalankan operasi penanaman pokok getah dalam kawasan 200 relong tersebut. Oleh itu pihak pengurusan telah meminta pentadbiran negeri menghulurkan pinjaman selama lima tahun jikalau para pemegang saham terpaksa meninggalkan Kedah untuk kerahan tentera. Penasihat British Kedah telah bersetuju meluluskan pinjaman selama lima tahun. Pinjaman tersebut adalah disebabkan syarikat perladangan tersebut adalah miliki para pemodal Eropah

Pada masa yang sama penasihat British Kedah juga telah membuat pendirian bahawa pentadbiran negeri tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran syarikat tersebut walaupun pentadbiran negeri mempunyai hak melalui pemberian pinjaman. Tindakan penasihat British Kedah telah memberikan ruang untuk pihak pengurusan syarikat perladangan getah menumpukan perhatian untuk menguasai sektor perladangan getah di Kedah.²⁰

Kesungguhan penasihat British membantu syarikat perladangan getah bukan sahaja untuk memastikan syarikat tersebut mendapat keuntungan melalui malah mahukan pentadbiran negeri juga mendapat keuntungan melalui penguatkuasaan cukai pengeksportan getah. Pentadbiran negeri telah mengenakan cukai pengeskportan getah ke atas semua syarikat perladangan getah yang mengeksport getah keluar dari Kedah. Kutipan cukai eskport menjadi sumber pendapatan untuk pentadbiran negeri. Kebiasaannya pengeluaran getah dari Kedah mendapat pasaran di Pulau Pinang. Oleh itu penasihat British telah

menetapkan cukai eskport ke atas getah berdasarkan harga pasaran semasa di Pulau Pinang.²¹

Cukai eskport ditetapkan sebanyak 2 ½ % *ad valorem* dan dikira mengikut harga pasaran getah semasa di Pulau Pinang.²² Jikalau harga pasaran getah semasa di Pulau Pinang tidak dapat diketahui, cukai eskport getah tetap dikenakan pada paras \$50 sepikul.²³ Kelewatan menerima telegraf dari Pulau Pinang menjadi punca cukai eskport tidak dapat dikenakan mengikut harga pasaran getah di Pulau Pinang²⁴. Pengurusan syarikat perladangan getah tidak berpuas hati dengan maklumat harga pasaran getah di Pulau Pinang. Pengurusan syarikat perladangan getah menegaskan laporan pasaran getah di Pulau Pinang tidak boleh diguna pakai memandangkan wujudnya perbezaan dengan laporan pasaran getah dalam suratkhbar.²⁵ Penasihat British tidak mahu ketidakpuashatian ini menjejaskan kutipan cukai. Oleh itu penasihat British telah melantik Awang Osman untuk menjalankan tugas menghantar telegram tentang harga pasaran getah di Pulau Pinang kepada pegawai daerah mengikut ketetapan masa.

Pegawai daerah telah dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai eskport getah di stesyen kastam. Pegawai daerah yang dilantik oleh pentadbiran negeri memberi perhatian penuh ke atas kutipan cukai eskport ini kerana ia merupakan sumber pendapatan untuk pentadbiran negeri. Oleh itu pegawai daerah terpaksa meminta kerani yang ditugaskan mengutip cukai eksport menjalankan tugas dengan tanggungjawab dan

juga memberi amaran akan menyingkirkannya jikalau kutipan cukai eksport tidak dijalankan dengan betul²⁶

Atas kepentingan sesetengah syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah maka penasihat British telah memberi kelonggaran dari sudut kutipan cukai eskport getah. Penasihat British telah memberi kelulusan ke atas permohonan syarikat perladangan getah yang mahu mengelakkan membayar cukai eksport pada hari pengeksportan getah dan sebaliknya mahu membayar cukai eskport pada penghujung setiap bulan.²⁷ Syarikat Eropah hanya perlu memiliki 'buku pas' sebagai rekod catatan jumlah pengeksportan getah dan juga cukai eskport.

Pentadbiran negeri mempunyai kata pemutus dalam menentukan kadar cukai eksport getah ke atas syarikat perladangan getah di Kedah. Walaubagaimanapun pungutan cukai eskport getah telah terjejas apabila meletus Perang Dunia Pertama. Kesan Perang Dunia Pertama telah dirasai oleh syarikat perladangan getah di Kedah. Akibat penurunan permintaan getah di pasaran dunia maka telah menjejaskan pengeksportan getah di kalangan negara-negara pengeluar.²⁸ Penurunan dalam permintaan getah telah mengakibatkan harga getah di pasaran tempatan turut menurun.

Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi British telah mengambil tindakan untuk membantu syarikat perladangan getah dengan memberi tumpuan ke atas penetapan kadar cukai eskport getah yang dikenakan oleh pentadbiran negeri ke atas syarikat perladangan getah. Pejabat

Pesuruh Jaya Tinggi British telah memaklumkan kepada pentadbiran negeri Kedah bahawa negeri-negeri Melayu Bersekutu telah mengambil keputusan kolektif untuk menggantung kutipan cukai eksport getah yang dikenakan ke atas syarikat perladangan getah.²⁹ Penasihat British Kedah dalam surat kepada Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi British telah memaklumkan persetujuannya untuk menanggukkan kutipan cukai eskport getah di Kedah.

Penasihat British terpaksa mengimplementasikan keputusan yang diambil oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan.bagi mengatasi masalah penawaran getah yang berlebihan semasa Perang Dunia Pertama Pada tahun 1909 Enakmen Pembeli-Pembeli Getah telah diperakukan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan dan pentadbiran negeri turut melaksanakan enakmen tersebut dalam sektor perladangan di Kedah. Enakmen ini telah memberi kuasa kepada pentadbiran negeri untuk menubuhkan Lembaga Pelesenan Getah yang berfungsi untuk mengawal pembelian getah Kedah terutamanya daripada pekebun kecil. Lembaga Pelesenan Getah terlibat dalam memberikan lesen kepada semua pembeli getah di Kedah .³⁰ Di samping itu Lembaga Pelesenan Getah telah mengarahkan semua pembeli getah harus menyimpan buku stok yang mengandungi butiran tentang pemilikan jumlah getah.³¹ Tujuannya adalah untuk memantau kuantiti getah yang telah dijual oleh pekebun kecil kepada pembeli getah. Lesen pembeli getah tidak akan diperbaharui jikalau mereka gagal menyimpan maklumat jumlah getah yang dimiliki oleh mereka di dalam buku stok.

Lembaga Pelesenan Getah masih terikat kepada keputusan yang dibuat pentadbiran negeri terutama sekali dalam soal meluluskan pemberian lesen pembelian getah. Jumlah lesen yang diberikan bagi setiap daerah bergantung kepada pentadbiran negeri. Lembaga Pelesenan Getah hanya berfungsi menapis pemohon yang membuat permohonan untuk mendapatkan lesen membeli getah.³² Oleh itu Lembaga Pelesenan Getah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menambah jumlah lesen. Pada satu peringkat Lembaga Pelesenan Getah telah menghadapi masalah apabila terdapatnya banyak pemohon yang berpotensi membuat permohonan untuk mendapatkan lesen membeli getah tetapi hanya diberikan kuasa untuk meluluskan tiga buah lesen sahaja.³³ Terdapat juga individu yang tidak berpuas hati apabila permohonan mereka ditolak oleh Lembaga Pelesenan Getah walaupun individu tersebut pernah mendapat kelulusan untuk terlibat dalam aktiviti pembelian pembelian getah. Pembeli tersebut telah merayu terus kepada Raja Muda agar meluluskan permohonan mendapatkan lesen pembelian getah.³⁴ Tindakan ini jelas menunjukkan penasihat British mahu mengawal pemasaran getah pekebun kecil agar tidak memberi saingan kepada pemasaran getah oleh syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah.

Syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah tidak menghadapi masalah dalam urusan pembelian getah. Syarikat perladangan getah tersebut tidak berurusan dengan pembeli getah yang dilantik oleh pentadbiran negeri. Syarikat perladangan getah ini mempunyai hubungan langsung dengan pemasaran dunia dan institusi-institusi kewangan menyebabkan mereka tidak perlu menjual getah kepada pembeli tempatan. Pentadbiran

negeri tidak meletakkan sebarang syarat dan tekanan kepada syarikat perladangan tersebut untuk melakukan penjualan getah melalui pembeli tempatan. Pentadbiran negeri telah memberi laluan kepada syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah untuk mengaut keuntungan besar.

Pentadbiran negeri telah mengambil ketetapan bahawa penentuan harga getah adalah berdasarkan pasaran getah semasa di Pulau Pinang. Oleh itu sektor perladangan getah terpaksa bergantung laporan pasaran harga getah semasa yang dihantar dari Pulau Pinang untuk melakukan aktiviti penjualan getah. Pekebun kecil menjadi mangsa lagi apabila para pembeli getah tidak membeli getah berdasarkan pasaran harga semasa di Pulau Pinang. Sebaliknya harga ditentukan berdasarkan proses tawar-menawar di kalangan pembeli dan penjual getah.³⁵ Harga yang ditentukan oleh pembeli getah adalah rendah jika dibandingkan dengan harga di pasaran getah semasa di Pulau Pinang. Penasihat British tidak mengambil sebarang tindakan untuk membantu pekebun kecil yang menjadi mangsa kepada pembeli getah yang terdiri daripada orang China.

Selain itu para pembeli yang telah menubuhkan Persatuan Pembeli-Pembeli Getah Tempatan telah mengambil kira kualiti getah dalam menentukan harga getah. Jadi harga getah adalah berbeza-beza dalam setiap daerah.³⁶ Akibatnya pekebun kecil sukar untuk mendapatkan keuntungan melalui aktiviti penjualan getah³⁷ Kesukaran yang dialami oleh pekebun kecil pernah mendapat perhatian daripada pegawai dari Pejabat Tanah yang menyuarakan cadangan agar pembelian getah ini dibuat melalui penubuhan syarikat.³⁸

Dengan itu akan menguntungkan kedua-dua pihak sama ada penjual dan pembeli. Namun begitu pentadbiran negeri hanya memandang sepi cadangan yang dikemukakan oleh pejabat tanah tersebut.

2.2 Hubungan British Dalam Pelaksanaan Rancangan Sekatan Getah Stevenson Di Kedah

Setelah tamat Perang Dunia Pertama, Tanah Melayu telah muncul sebagai pengeluar getah yang terbesar di dunia. Terdapat juga negara-negara lain yang turut memberi persaingan kepada Tanah Melayu dari sudut pengeluaran getah seperti Indonesia, Negeri Thai dan Sri Lanka. Akibat pengeluaran yang tinggi maka di pasaran dunia ,penawaran getah telah melebihi permintaan getah. Situasi ini menjadi lebih ketara lagi apabila negara Amerika Syarikat yang merupakan pengimport terbesar getah telah mengurangkan permintaan terhadap getah ekoran pengurangan automobil negara mereka. Pemintaan rendah terhadap getah telah membawa kepada kejatuhan harga getah di pasaran dunia.

Sektor perladangan getah di Tanah Melayu turut menerima ancaman akibat kejatuhan harga getah di pasaran dunia. Bagi membantu syarikat perladangan getah daripada mengalami kerugian maka kerajaan British di Tanah Melayu telah mengambil tindakan untuk mengenakan sekatan ke atas pengeluaran getah. Dengan itu kerajaan telah memperkenalkan Rancangan Sekatan Getah Stevenson pada tahun 1922 bagi menghadkan pengeluaran getah oleh syarikat perladangan yang bergiat di Tanah Melayu.

Pentadbiran negeri Kedah sekali lagi terpaksa tertakluk terhadap keputusan Majlis Mesyuarat Persekutuan dalam pengimplementasian Rancangan Sekatan Getah Stevenson. Bagi melaksanakan Rancangan Sekatan Getah Stevenson maka Jabatan Sekatan Getah telah ditubuhkan oleh pentadbiran negeri di setiap daerah. Syarikat perladangan getah dihadkan pengeluaran getah berdasarkan taksiran yang diluluskan oleh Jabatan Sekatan Getah. Jabatan Sekatan Getah telah mengagihkan tugas untuk membuat anggaran taksiran pengeluaran getah berdasarkan jumlah ekar tanah. Bagi syarikat perladangan getah yang memiliki 25 ekar tanah(35 relong) dan ke bawah maka Pejabat Tanah ditugaskan untuk membuat taksiran bagi syarikat perladangan tersebut. Manakala bagi syarikat perladangan yang memiliki antara 25 ekar hingga 100 ekar(140 relong) setiausaha Jabatan Sekatan Getah akan membuat taksiran manakala bagi jumlah 100 ekar ke atas, taksiran pengeluaran getah dibuat oleh Jawatankuasa Sekatan yang ditubuhkan oleh Jabatan Sekatan Getah.³⁹

Bagi memastikan syarikat perladangan getah mendapat taksiran yang tinggi maka Jabatan Sekatan Getah menaikkan jumlah pengeluaran getah dalam standard pengeluaran getah. Tindakan ini adalah berpunca ekoran syarikat perladangan getah mengambil tindakan untuk menambah jumlah pemilikan tanah melalui pembelian tanah kerajaan. Jabatan Sekatan Getah tidak mahu syarikat perladangan getah mendapat taksiran yang rendah apabila berlaku pertambahan dalam pemilikan tanah. Syarikat perladangan getah yang memiliki jumlah 272 relong tanah ditetapkan pengeluaran getah sebanyak 213 kati serelong manakala bagi syarikat perladangan getah yang memiliki 140 relong tanah pula

ditetapkan pengeluaran getah sebanyak 200 kati serelong. Pengubah suaian standard pengeluaran getah mengikut pertambahan pemilikan tanah telah memberi ruang kepada syarikat perladangan getah meraih keuntungan dengan cara mendapat taksiran yang tinggi.

Jabatan Sekatan Getah juga telah memastikan pekebun kecil tidak terjejas dalam menghadkan pengeluaran getah. Jabatan Sekatan Getah telah memberi peluang kepada pekebun kecil untuk mendapatkan taksiran yang tinggi dalam pengeluaran getah. Oleh itu standard pengeluaran getah bagi pekebun kecil juga telah dinaikkan daripada 320 lbs getah seekar kepada 400 lbs getah seekar bagi pokok getah yang berusia lapan tahun. Manakala bagi pokok getah yang berumur lapan tahun ke bawah, standard pengeluaran getah telah dinaikkan daripada 160 lbs getah seekar kepada 200 lbs getah. Walaubagaimanapun Jabatan Sekatan Getah telah meletakkan keraguan ke atas kemampuan pekebun kecil untuk mengeluarkan susu getah pada paras 400 lbs seekar ataupun 320 lbs seekar. Keraguan Jabatan Sekatan Getah menjadi tepat semasa mereka membuat lawatan ke kawasan pekebun kecil getah. Jabatan Sekatan Getah tidak mengenalpasti punca pekebun kecil tidak dapat mengeluarkan getah pada peringkat standard pengeluaran. Sebaliknya telah mengambil tindakan untuk menurunkan standard pengeluaran getah bagi pekebun kecil getah⁴⁰

Pentadbiran negeri telah menubuhkan sebuah jawatan kuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Kedah bagi menasihati serta memberi syor kepada pentadbiran

negeri tentang pengimplementasian Rancangan Sekatan Stevenson.⁴¹ Jawatankuasa ini lebih ke arah membantu syarikat perladangan getah agar tidak kehilangan hak mereka dari sudut pengeluaran getah dalam pelaksanaan sekatan ke atas pengeluaran getah. Dalam pelaksanaan sekatan pengeluaran getah jawatankuasa ini tidak sehaluan dengan Jawatankuasa Pelaksanaan Sekatan di peringkat persekutuan. Jawatankuasa Penasihat Kedah mahukan taksiran pengeluaran getah dibuat bersandarkan kepada standard penorehan yang sedang digunakan dan bilangan penanaman pokok getah yang sedia ada dalam kawasan perladangan. Jawatankuasa ini tidak setuju dengan cadangan Jawatankuasa Pelaksanaan Sekatan di peringkat persekutuan yang mahu mengubah cara penorehan getah semata-mata untuk menghadkan pengeluaran getah oleh syarikat perladangan getah.⁴²

Pentadbiran negeri mendapati dengan menghadkan jumlah pengeluaran getah sama ada syarikat pengeluaran getah ataupun pekebun kecil tidak mampu menyelesaikan masalah penurunan harga getah. Alternatif lain yang ada pada pentadbiran negeri ialah menghadkan jumlah pengeksportan getah syarikat perladangan getah termasuk pekebun kecil. Oleh itu pentadbiran negeri telah mengimplementasikan kuota eksport yang telah ditentukan oleh Majlis Persekutuan. Kuota eksport yang diperuntukkan untuk negeri Kedah, adalah sebanyak 60% daripada jumlah standard pengeluaran yang dibenarkan⁴³ Jabatan Sekatan Getah dipertanggungjawabkan untuk mengawal pengeksportan getah oleh syarikat perladangan getah dan juga pekebun kecil.

Syarikat perladangan getah hanya perlu memiliki sijil standard pengeluaran getah dan lesen pengeksportan apabila hendak menjalankan pengeksportan getah.⁴⁴ Pentadbiran negeri telah memberikan lesen mengeksport getah jikalau kawasan perladangan getah tersebut melebihi 140 relong tanah. Di samping itu syarikat tersebut boleh mengeksport getah melebihi had yang dibenarkan dalam lesen tersebut. iaitu sehingga tahap standard pengeluaran getah yang diluluskan ke atas syarikat tersebut berdasarkan jumlah pemilikan tanah.⁴⁵ Oleh itu syarikat perladangan getah tersebut boleh mengeksport eksport getah dalam kuantiti yang besar.⁴⁶

Namun begitu bagi pekebun kecil yang memiliki keluasan kawasan sehingga 140 relong tanah tidak dapat mengaut keuntungan yang besar. Pekebun kecil hanya boleh mengeksport getah berdasarkan bilangan kupon yang diberikan oleh Jabatan Sekatan Getah. Setiap kupon tersebut mengandungi jumlah pikul getah atau jumlah kati getah yang boleh dieksport menyebabkan pekebun kecil menghadapi halangan dalam mengeksport getah.⁴⁷ Jikalau pekebun kecil telah mengeluarkan getah melebihi jumlah nilai kupon maka lebihan getah tersebut terpaksa disimpan dan tidak boleh dijual sehingga Jabatan Sekatan Getah memberikan lagi kupon pada setiap $\frac{1}{4}$ bulan dalam setiap tahun.⁴⁸ Lebihan getah tersebut kemungkinan tidak dapat dijual jikalau pengeluaran getah pada $\frac{1}{4}$ bulan akan datang mencukupi dengan jumlah nilai kupon yang diberikan oleh Jabatan Sekatan Getah.

Syarikat perladangan getah yang memiliki lesen mengeksport getah juga diberikan kelonggaran dari sudut memindahkan kuota pengeskportan. Syarikat perladangan getah bukan sahaja beroperasi di Kedah malah ia juga melibatkan diri dalam sektor perladangan di negeri-negeri lain.

Apabila syarikat perladangan getah masih tidak dapat mengeksport getah berdasarkan kuota pengeksportan maka pentadbiran negeri membenarkan baki kuota pengeksportan tersebut dipindahkan ke syarikat perladangan getah yang sama beroperasi di negeri lain.⁴⁹ Oleh itu syarikat perladangan getah tersebut tidak mengalami sebarang kerugian jikalau mengalami lebihan atau kekurangan dalam pengeluaran getah berbanding dengan kedudukan pekebun kecil. Jadi pentadbiran negeri telah memberi laluan besar untuk syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah untuk menikmati keuntungan walaupun terdapatnya sekatan ke atas pengeluaran getah.

Walaupun syarikat perladangan getah diberikan keistimewaan tertentu namun begitu mereka tidak senang dengan tindakan pentadbiran negeri yang masih lagi tidak menurunkan kadar cukai eksport getah. Pentadbiran negeri terus mengekalkan kadar cukai eksport tersebut kerana ia merupakan sebahagian daripada sumber pendapatan negeri. Tindakan pentadbiran negeri tersebut telah mendapat perhatian daripada Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi British yang telah meminta penjelasan tentang tindakan yang telah diambil oleh pentadbiran negeri dalam menurunkan kadar cukai eskport memandangkan negeri-negeri lain telah menurunkan kadar cukai eksport.⁵⁰ Penjelasan yang diminta

daripada Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi telah menyebabkan penasihat British Kedah telah mengumumkan kadar cukai eskport baru dikenakan 1 1/3 sen untuk sekati getah mulai 1928.

Syarikat perladangan getah yang masih tidak berpuashati dengan kadar cukai eksport tersebut telah membuat protes kepada pentadbiran negeri mulai tahun 1929. Dalam mengemukakan protes tersebut, syarikat perladangan getah menyatakan adalah tidak adil dikenakan cukai eskport memandangkan pentadbiran negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menghapuskan semua bentuk cukai eksport getah apabila harga getah jatuh ke paras yang rendah di pasaran getah Singapura.⁵¹ Namun begitu pentadbiran negeri tidak melayan protes yang dikemukakan oleh syarikat perladangan getah tersebut memandangkan pentadbiran negeri bergantung kepada pasaran harga getah semasa Pulau Pinang.

2.3 Hubungan British Dalam Pelaksanaan Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa di Kedah

Sewaktu pentadbiran negeri mengimplementasikan Rancangan Sekatan Getah Stevenson, sektor perladangan getah terpaksa menghadapi masalah baru iaitu kemelesetan ekonomi dunia. Kemelesetan ekonomi dunai yang berlaku pada tahun 1930-an telah menjejaskan permintaan getah di pasaran dunia. Bagi mengatasi masalah penawaran yang berlebihan di pasaran dunia maka hampir keseluruhan negara-negara pengeluar getah di dunia termasuk Tanah Melayu telah bersepakat untuk memperkenalkan Rancangan Sekatan

Getah Antarabangsa bagi menghadkan pengeluaran getah mengikut negara masing-masing.

Dalam Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa maka setiap negara pengeluar telah diberikan kuota dalam pengeluaran getah. Dengan itu Tanah Melayu harus mengeksport getah dalam lingkungan kuota yang ditetapkan dalam Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa tersebut. Bagi mengimplementasikan kuota tersebut di Tanah Melayu maka Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi British telah melantik seorang penguasa getah untuk Tanah Melayu bagi mengagihkan jumlah pengeluaran getah untuk negeri-negeri yang mengiatkan sektor perladangan getah⁵²

Bagi negeri Kedah, pengagihan jumlah pengeluaran getah adalah berdasarkan kepada taksiran yang dibuat oleh Jawatankuasa Taksiran yang ditubuhkan oleh pentadbiran negeri. Taksiran tersebut dibuat berdasarkan keluasan kawasan perladangan. Jawatankuasa Taksiran Kedah telah membahagikan ladang-ladang getah kepada tiga kategori iaitu perladangan besar, perladangan kecil dan pekebun kecil bagi memudahkan membuat taksiran pengeluaran getah.⁵³ Cara membuat taksiran oleh Jawatankuasa Taksiran Kedah telah mendapat teguran daripada Jawatankuasa Penasihat Sekatan Getah Malaya. Jawatankuasa Penasihat Sekatan Getah Malaya telah mencadangkan taksiran untuk perladangan besar dibuat berdasarkan keluasan kawasan manakala bagi perladangan kecil dan pekebun kecil taksiran dibuat berdasarkan bilangan kupon yang diperlukan semasa pengeksportan getah.⁵⁴ Namun begitu taksiran yang dibuat oleh

Jawatankuasa Taksiran Kedah tetap diterima oleh pengusaha getah Tanah Melayu. Walaubagaimanapun pengagihan getah yang dibuat oleh pengusaha getah untuk negeri Kedah dan negeri-negeri lain harus mendapat pengesahan daripada pejabat Pesuruh Jaya Tinggi British.

Terdapat juga situasi pengusaha getah telah membuat pengagihan getah tanpa menerima taksiran memandangkan negeri-negeri lain hanya menghantar anggaran pengeluaran getah sahaja. Pentadbiran negeri Kedah tidak membantah agihan pengeluaran getah yang telah dibuat oleh pengusaha getah tersebut memandangkan terdapatnya peningkatan dalam agihan pengeluaran getah.⁵⁵ Satu perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah sektor perladangan getah masih tidak mampu mengeluarkan getah pada tahap anggaran pengeluaran getah yang dikeluarkan oleh pengusaha getah. Pada tahun 1935 anggaran pengeluaran getah yang diberikan untuk sektor perladangan getah Kedah ialah 58,000 tan tetapi hanya mampu mengeksport getah sebanyak 39 830.16 tan sahaja. Begitu juga pada tahun 1936 anggaran pengeluaran getah yang diberikan ialah 61,470 tan tetapi hanya mampu mengeksport getah sebanyak 40,289 tan sahaja. Pada tahun 1937 pula anggaran pengeluaran getah yang diberikan ialah 62,860 tan tetapi hanya mampu mengeksport getah sebanyak 56,584 tan sahaja.⁵⁶

Bagi mengatasi masalah pengurangan dalam pengeksportan getah maka pentadbiran negeri telah mengambil inisiatif untuk membantu sektor perladangan getah untuk membuat pengeluaran getah pada paras anggaran pengeluaran getah yang ditetapkan oleh

pengusaha getah. Salah satu tindakan yang diambil oleh Penasihat British ialah memberikan persetujuan kepada penubuhan Tabung Getah Malay (Malayan Rubber Fund) yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan. Pelaksanaan Tabung Getah Malaya bergantung kepada sumbangan kewangan yang diberikan oleh setiap negeri yang terlibat dalam sektor perladangan. Jadi Penasihat British telah melakukan pindaan kepada Enakmen Sekatan Getah Negeri Kedah dengan mengenakan *cess* iaitu satu bentuk levi ke atas pengesportan getah. Penasihat British telah menetapkan setiap satu paun getah dikenakan *cess* sebanyak 2 sen dan kutipan tersebut terus disalurkan ke Tabung Getah Malaya. Namun begitu *cess* yang dikenakan tersebut berubah mengikut keputusan yang diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Tabung Getah Malaya.⁵⁷ Para pemodal termasuk pekebun kecil tidak menunjukkan sebarang reaksi bantahan terhadap tindakan penasihat British mengenakan *cess* tersebut memandangkan sebahagian duit tabungan tersebut diberikan kepada Institut Penyelidikan Getah Malaya.

Melalui sumber kewangan tersebut, Institut Penyelidikan Getah menjalankan penyelidikan khususnya untuk membantu sektor perladangan getah meningkatkan pengeluaran getah. Selain itu tabungan tersebut juga gunakan untuk menjalankan propaganda bagi menggalakkan masyarakat tempatan menggunakan getah tempatan yang secara langsung dapat meningkatkan pengeluaran getah⁵⁸ Justeru itu tindakan penasihat British telah menguntungkan sektor perladangan getah khususnya yang dimiliki oleh para pemodal Eropah.

Dalam menghadkan pengeluaran getah, pentadbiran negeri juga memberikan perhatian kepada aktiviti penanaman semula pokok getah. Pentadbiran negeri tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meluluskan permohonan tersebut. Sebaliknya penolong pengusaha getah Tanah Melayu telah diberikan kuasa oleh Majlis Persekutuan untuk mengeluarkan permit bagi menjalankan aktiviti penanaman semula pokok getah.⁵⁹ Prosedur untuk mendapatkan permit adalah berbeza mengikut luas kawasan perladangan . Bagi kawasan perladangan getah di bawah 140 relong dan ke bawah, mereka hanya perlu mengemukakan jumlah ekar tanah yang akan ditanam semula pokok getah⁶⁰ Manakala bagi kawasan 140 relong dan ke atas perlu disertakan penyata jumlah pengeluaran getah untuk dua tahun dan juga penyata taksiran pengeluaran standard yang diberikan untuk pengeluaran getah.

Penolong pengusaha getah Tanah Melayu meneliti dan mengambil tindakan berwaspada terutama bagi permohonan yang melibatkan kawasan 140 relong dan ke atas bagi mengelakkan pengeluaran getah yang berlebihan semasa berlaku penorehan pokok getah baru.⁶¹ Penelitian penolong pengusaha getah juga dapat dilihat apabila pemohon diwajibkan memaklumkan kepada penolong pengusaha getah tarikh untuk pemotongan pokok getah lama dan penanaman pokok getah baru. Bagi mereka yang gagal memaklumkan tarikh tersebut akan dikenakan hukuman denda sebanyak \$100.00.

Pentadbiran negeri pula mengetakan lagi syarat penanaman semula pokok getah dengan meminda peraturan penanaman semula pokok getah. Pindaan tersebut telah menghadkan

kawasan penanaman semula getah tidak melebihi 5% daripada jumlah kawasan penanaman getah yang sedang diusahakan untuk pengeluaran getah. Tindakan pentadbiran negeri ini telah menghalang para pemodal untuk melaburkan banyak modal dalam aktiviti penanaman semula pokok getah.⁶² Para pemodal Eropah telah mengalami kerugian akibat terdapat banyak tanah kosong yang tidak dapat diusahakan untuk penanaman getah. Mereka telah melahirkan rasa kesal terhadap tindakan pentadbiran negeri mengetatkan lagi peraturan penanaman semula pokok getah.⁶³ Para pemodal Eropah tidak gentar membuat permohonan untuk mendapatkan gantirugi daripada pentadbiran negeri.⁶⁴ Selain itu para pemodal Eropah telah mendesak pentadbiran negeri menurunkan kadar cukai tanah bagi kawasan yang tidak dijalankan aktiviti penanaman semula pokok getah. bagi mengatasi masalah kerugian⁶⁵

Walaupun terdapat sekatan terhadap pengeluaran getah namun pentadbiran negeri masih memberi kelebihan kepada syarikat perladangan milik para pemodal Eropah. Setiap syarikat perladangan getah telah diberikan standard pengeluaran getah. Dalam Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa, syarikat perladangan getah masih tidak mampu mengeksport getah berdasarkan standard pengeluaran getah. Bagi memastikan syarikat perladangan getah menggunakan standard pengeluaran getah secara maksimum maka pentadbiran negeri sekali lagi membenarkan syarikat perladangan getah memindahkan baki kuota pengeluaran getah dalam standard pengeluaran getah kepada syarikat perladangan getah yang sama dan beroperasi di negeri lain. Oleh itu para pemodal

Eropah tidak mengalami sebarang kerugian jikalau pengeluaran getah tidak mencapai pada paras standard pengeluaran getah.⁶⁶

Pentadbiran negeri juga memberi perhatian kepada pekebun kecil yang turut menerima kesan daripada pengimplementasian Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa. Penolong pengusaha getah Kedah melaporkan jenis taksiran yang digunakan semasa membuat taksiran ke atas tanah pekebun kecil dalam menentukan agihan pengeluaran getah tidak betul.⁶⁷ Akibatnya pekebun kecil mengalami kerugian terutama sekali dalam mendapatkan kupon untuk menjual hasil pengeluaran getah. Penolong pengusaha getah telah mencadangkan taksiran yang dibuat melalui Pejabat Tanah perlu dinilai semula bagi membolehkan pekebun kecil mempunyai hak dalam mendapatkan kupon bagi penjualan hasil pengeluaran getah.

Selain masalah taksiran yang tidak tepat, dalam Rancangan Sekatan Getah Antarabangsa pekebun kecil juga menghadapi masalah yang sama dalam mendapatkan kupon daripada pentadbiran negeri. Masalah ini akan timbul apabila Pejabat Tanah mengurangkan pemberian kupon apabila timbul isu hutang kupon. Isu hutang kupon timbul semasa pekebun kecil menghadapi masalah tidak mencukupi kupon apabila mempunyai lebihan dalam pengeluaran getah. Oleh yang demikian pekebun terpaksa mendapatkan tambahan kupon bagi menjual hasil pengeluaran getah tersebut. Pejabat Tanah yang ditugaskan memberikan kupon kepada tidak menyimpan rekod tambahan kupon yang diberikan secara sistematik bagi setiap pekebun kecil Akibatnya pekebun kecil menghadapi

masalah pemotongan kupon secara berlebihan apabila mendapatkan kupon untuk pengeluaran getah bagi bulan yang berlainan. Ketiadaan rekod yang sistematik telah menyebabkan pekebun kecil terpaksa meminta penguasa getah daerah untuk campur tangan menyelesaikan masalah hutang kupon tersebut.⁶⁸

3.0 Kesimpulan

Hubungan antara pentadbiran negeri dengan para pemodal telah membolehkan pentadbiran negeri memainkan peranan yang efektif dalam memajukan sektor perladangan getah di Kedah. Hubungan dengan pentadbiran negeri telah digunakan sepenuhnya oleh para pemodal Eropah bagi mendapatkan keuntungan yang besar apabila membuat pelaburan dalam sektor perladangan getah.

Hubungan tersebut juga digunakan oleh pekebun kecil untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan . Namun begitu pekebun kecil tidak mendapat pulangan yang tinggi akibat masalah kapital. Pentadbiran negeri juga tidak menghulurkan pinjaman bagi membantu pekebun kecil dalam melibatkan sektor perladangan getah. Oleh itu jelas sama sekali hubungan pentadbiran negeri dalam sektor perladangan getah telah membawa manfaat kepada syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah.

Pentadbiran negeri telah mengadakan hubungan dengan para pemodal bagi memastikan sektor perladangan getah membawa keuntungan dengan syarikat perladangan getah milik pemodal Eropah telah menyebabkan syarikat mengadakan hubungan dengan dengan memberikan ruang yang luas untuk membuat pelaburan dalam sektor perladangan getah. Pentadbiran negeri telah memberi peluang kepada pekebun kecil untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan getah. Namun begitu

Nota Kaki.

1. Minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 17-8-1925 dalam SUK/K 394/1344(tiada tarikh)
SUK / K, 4197/1330, 30-12-1330
2. SUK / K, 1608/1910, 29-9-1910
3. Ibid.
4. SUK / K, 4197/1330, 30-12-1330
5. SUK/K, 2355/1343, 25-5-1925
6. SUK/K, 3146/1357, 28-11-1938
7. SUK/K, 1304/1344, 28-11-1925
8. SUK/K, 3146/1357, 28-11-1938
9. SUK/K, 3019/1357, 15-11-1938
10. Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 17-8-1925 dalam SUK/K 394/1344(tiada tarikh), SUK/K, 2744/1342, 8-7-1924, SUK/K, 98/1346, 26-5-1927
- 11 Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 17-8-1925 dalam SUK/K 394/1344(tiada tarikh), SUK/K, 901/ 1341, 5-12-1922.
12. SUK/K, 638/1342, 4-10-1923.
- 13 Ibid
- 14.SUK/K, 99/1342, 30-7-1923
- 15 SUK/K, 98/1346, 26-5-1927
- 16 Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 9-12-1920 dalam SUK/K 1239/11339(tiada tarikh)

- 17 Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 20-11-1913
Apabila pengurus estet Gim Koon Estate meminta kebenaran hendak membuat jalan di atas tanah kerajaan , pentadbiran negeri memberi kebenaran tanpa mengenakan sebarang harga tanah tetapi mengenakan syarat lain iaitu jalan raya tersebut boleh digunakan penduduk tempatan.
Lihat SUK/K, 2600/1344, 5-4-1926
18. SUK/K, 396/1343, 4-9-1924
- 19 Drabbel ,J.H. Rubber in Malaya 1876-1922. The Genesis of the Rubber Industr, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973, m.s 126
- 20 SUK/K, 2295/1336, 31-7-1918
- 21 Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 14-9-1914 dalam HCO 1659/1914 (tiada tarikh)
- 22 SUK/K, 2083/1330, 5-7-1330
- 23 Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 14-9-1914 dalam HCO 1659/1914 (tiada tarikh)
24. SUK/K, 2581/1333, 6-9-1915
25. SUK/K, 2408/1331, 4-7-1331
26. SUK/K, 2581/1333, 6-9-1915
- 27.SUK/K,2571/1331, 15-7-1331, SUK/K, 1707/1332, 20-4-1914
28. Drabbel m.s 1223
29. HCO 1616/1918, 14-9-1918
- 30.Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment,At Baling dalam SUK/K,85/1358, (tiada tarikh)
- Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment,At Bandar Bahru dalam SUK/K,3803/1356, (tiada tarikh)
31. Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment, At Baling dalam SUK/K,85/1358, (tiada tarikh)

32 Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment, At Baling dalam SUK/K,83/1359, (tiada tarikh)

Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment, At Aor Setar dalam SUK/K,3910/1356, (tiada tarikh)

33. SUK/K, 113/1339, 20-9-1920

34. SUK/K, 306/341, 26-9-1922

35.Ibid

36 SUK/K, 3683/1356, tiada tarikh

37.Badriyah Haji Salleh, Imperialisme Ekonomi:Kajian Kes ke atas Imperialisme Industri Getah di Tanah Melayu dalam Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-Negara Lain Penerbit Fajar Bakti, 1990 , m.s 259.

38.Lihat Minutes of meeting of the Licensing Board Under the Rubber Supervision Enactment, At Baling dalam SUK/K,83/1359, (tiada tarikh)

39.SUK/K, 801/1345, 25-9-1926, SUK/K, 2480/1342, 26-5-1924.

40 SUK/K, 801/1345, 25-9-1926,

41 SUK/K, 749/1346, 3-9-1927.

42.Ibid

43 SUK/K, 267/1342, 9-8-1923.

44.SUK/K, 683/1341, 14-11-1922.

45 SUK/K, 1067/1344, 3-11-1925

46. SUK/K, 385/1342, 25-9-1923.

47. SUK/K, 683/1341, 14-11-1922 , SUK/K, 385/1342, 25-9-1923.

48 SUK/K, 2889/1346, 30-4-1928, SUK/K, 1067/1344, 3-11-1925, SUK/K, 1074/1346, 6-10-1927

49 SUK/K, 945/1342, 3-12-1923, SUK/K, 1170/1343, 11-12-1924.

50 SUK/K, 1744/1346, 21-12-1927. SUK/K, 3003/1346, 14-5-1928

51. SUK/K, 1371/1339, 20-1-1929

52. SUK/K, 2319/1353, 11-10-1934

53. Annual Report on Rubber Regulation in Kedah for the year 1935 dalam SUK/K, 264/1355 (tiada tarikh)

54 Minutes of Meeting of the Malayan Advisory Committee, Rubber Regulation, 1936 dalam SUK/K, 381/1355 (tiada tarikh)

55 SUK/K, 3526/1355, 29-12-1936

Lihat juga Annual Report on Rubber Regulation in Kedah for the year 1935 dalam SUK/K, 264/1355. (tiada tarikh)

56 Annual Report on Rubber Regulation in Kedah for the year 1937 dalam SUK/K, 1455/1356. (tiada tarikh)

Lihat juga Annual Report on Rubber Regulation in Kedah for the year 1935 dalam SUK/K, 264/1355. (tiada tarikh)

57 Lihat Imposition of cess under Enactment No.135(Rubber Regulations) 21-9-1936 dalam SUK/K, 2356/1355 (tiada tarikh)

58 Lihat Amendment to the Rubber Regulations Enactment 16-6-1936 dalam SUK/K, 1226/1355. (tiada tarikh)

Cess ini akan dipungut di stesyen kastam yang terdapat di setiap daerah. Cess ini akan dipungut bersama-sama dengan cukai eksport.

Lihat SUK/K, 832/1352, 12-6-1934.

59. Pemohon perlu juga kemukakan sijil hak milik kawasan perladangan semasa membuat permohonan untuk penanaman semula pokok getah.

Lihat Rubber Regulation Ordinance dalam SUK/K 1082/1356 (tiada tarikh)

60. Pemohon juga perlu mengemukakan kedudukan tanah dalam daerah dan mukim, nombor tanah dan nama pegangan tanah untuk membuktikan kedudukan sebagai

pemilik.

Lihat Rubber Regulation (Replanting) Rules, dalam SUK/K, 3544/13587-12-1939

61. Ibid

62. Lihat Annual Report of the Agricultural Department Kedah for the year 1357 dalam SUK/K, 569/1358, 29-3-1939

63. SUK/K 3444/1354, 6-1-1936

64. SUK/K 3460/1354, 9-1-1936

65. SUK/K 3693/1354, 28-1-1936

66. SUK/K 2457/1354 (tiada tarikh), SUK/K 3038/1353, 5-12-1934

Lihat Annual Report of the Rubber Deratment Kedah For The Year 1938 dalam SUK/K 1672/1358 (tiada tarikh),

Semasa memindahkan baki kuota pengeluaran, syarikat perladangan getah juga dikenakan bayaran cess.

Lihat SUK/K 742/1353 (tiada tarikh),

67 SUK/K 527/1357, 24-4-1938

68. SUK/K 896/1355, 17-5-1936